

PSA tidak jangka terima permohonan luar biasa program Techno-Huffaz

Oleh [Ruwaida Md Zain](#) - Ogos 11, 2024 @ 9:28am
bhnews@bh.com.my



Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Zainah Rujihan berucap pada Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ke 25 di Dewan Al Jazari, Politeknik Shah Alam, semalam. - Foto NSTP/ Faiz Anuar

SHAH ALAM: Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) menerima permohonan luar biasa bagi kemasukan ke program Techno-Huffaz sehingga mencecah 118 permohonan tahun ini.

Pengarah PSA, Zainah Rujihan, berkata sejak mula diperkenalkan pada 2017, permohonan kurang 10 orang pada setiap semester namun pada semester kali ini, PSA terpaksa menghadkan kepada 35 penuntut.

"Sebelum ini hanya sedikit sahaja memohon, bermaksud ketika itu tidak ramai tahu dan tidak lihat hasilnya tetapi tahun ini mendapat sambutan permohonan luar biasa sampai 118 memohon.

"Kami tidak jangka sebab itu PSA tidak dapat terima semua, had kami sehingga 35 orang sahaja untuk pengambilan baharu semester satu ini, kerana kita terhad dari segi tempat dan tenaga pengajar.

"Insya-Allah, saya yakin selepas ini kita boleh dapat menambah daripada segi tenaga pengajar dan tempat supaya lebih ramai lagi teknokrat huffaz berjaya dilahirkan oleh PSA," katanya ketika ditemui selepas Majlis Konvokesyen PSA Kali ke-25 di Dewan Al-Jazari di sini semalam.

Pada Sidang 2 semalam, Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid dijemput sebagai tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian skrol kepada 403 graduan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Perdagangan.

Mengulas lanjut Zainah berkata di bawah Techno-Huffaz kali ini terdapat program bersanad yang mana sebagai permulaan, PSA akan menghantar dua penuntut ke Universiti Al-Azhar, Mesir untuk mengikutinya.

"Istimewa kali ini, di bawah Techno-Huffaz ini ada program bersanad di Mesir... kita hantar dua penuntut mengikut program bersanad pada September ini," katanya.

Sejak penubuhan PSA pada 1997, seramai 43,572 graduan dalam pelbagai bidang berjaya dilahirkan.

Pada Majlis Konvokesyen Kali ke-25 ini, seramai 833 graduan menerima ijazah, diploma serta sijil masing-masing membabitkan 206 graduan Jabatan Perdagangan, Jabatan Kejuruteraan Elektrik (272), Jabatan Kejuruteraan Awam (197) dan 158 graduan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal termasuk 12 graduan Sijil Kemahiran Penyelenggaraan Mekanikal yang juga pelajar masalah pendengaran.

Pada konvokesyen kali ini juga, seramai tujuh graduan Techno-Huffaz yang menghafaz 30 juzuk al-Quran diraikan yang mana mereka berjaya memperoleh 'dual certification' iaitu Sijil Tahfiz al-Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)-Politeknik dan sijil Diploma Politeknik.